

02 NOV 2002

AGONG DAN PM HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PANAMA

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menghantar perutusan tahniah kepada Republik Panama sempena sambutan Hari Kemerdekaan negara itu pada Ahad.

Menurut kenyataan Wisma Putra di sini hari ini, Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, dalam perutusan Seri Paduka berdua kepada Presiden Mireya Moscoso, mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada Mireya dan rakyat negara itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan serupa berkata beliau berharap hubungan erat yang sedia terjalin di antara kedua-dua negara akan berterusan demi kebaikan rakyat kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar turut menghantar perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Dr Jose Miguel Aleman Healy.

-- BERNAMA

ZMN AHH RHM